



# Dasar Pemuncaan Hijau

Disember 2012

Pendekatan Pirelli terhadap pengurusan alam sekitar digariskan menurut Perjanjian Global Bangsa-Bangsa Bersatu, yang dianggotai secara aktif oleh Pirelli sejak tahun 2004, dan menurut "Pengisytiharan Rio mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan".

Prinsip-prinsip ini menjadi teras Dasar Kemampunan Kumpulan<sup>1</sup> yang dipegang oleh Pirelli, antaranya untuk menilai dan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar daripada aktivitinya dan produk sepanjang kitaran hayat produk tersebut, selain menggunakan bahan dan sumber semula jadi secara bertanggungjawab, dengan tujuan untuk menyumbang kepada pertumbuhan mampan bagi alam sekitar dan generasi akan datang.

Menerusi Dasar *Pemuncaan Hijau*<sup>2</sup> ini, Pirelli berusaha untuk mengurangkan jejak alam sekitar yang berkaitan dengan pemerolehan bahan, produk dan perkhidmatan.

Pirelli berhasrat membeli bahan, produk dan perkhidmatan yang jejak alam sekitarnya terbukti memberikan kesan yang lebih rendah berbanding purata kesan setara, dengan mengambil kira semua fasa kitaran hayat mana-mana bahan yang diperoleh dan memfokuskan khususnya kepada pengurusan akhir hayat, menurut falsafah *Sisa Sifar ke Kambus Tanah*.

Dasar ini akan dilaksanakan menerusi garis panduan pengendalian dalam khusus untuk setiap bidang pemuncaan dan pembelian.

Konsep *Susut, Guna Semula dan Kitar Semula* disepadukan dalam Model Pemuncaan Pirelli untuk bahan, produk dan perkhidmatan, termasuk produk yang direka cipta di syarikat tetapi dihasilkan oleh sumber luar.

Pirelli berhasrat memaksimumkan manfaat dasar *Pemuncaan Hijau* dengan menggalakkan Pembekalnya untuk mengamalkan dasar ini dalam proses pemuncaan mereka dan dalam seluruh rantaian bekalan mereka.

Dasar ini diterbitkan dan diedarkan kepada semua Rakan Sekutu Pirelli dalam bahasa tempatan mereka masing-masing.

## PENERUSI

Marco Tronchetti Provera

---

<sup>1</sup> Dasar Kemampunan Kumpulan merujuk kepada: *Nilai-nilai dan Tataetika, Dasar Tanggungjawab Sosial untuk Kesihatan, Keselamatan dan Hak Pekerjaan, Alam Sekitar, dan Dasar Kualiti..*

<sup>2</sup> Dengan istilah "Pemuncaan Hijau", Pirelli mengertikan amalan memperoleh produk dan perkhidmatan yang dicipta, dibuat dan digunakan, yang memberikan kesan yang lebih rendah terhadap sumber semula jadi berbanding purata kesan setara.